

# PM percepatkan mesyuarat kabinet

Bagi bincang kenaikan harga barang dan kekurangan bekalan makanan seperti ayam

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

KUALA LUMPUR

**M**esyuarat kabinet yang biasanya diadakan pada Rabu diawalkan ke Isnin bagi membincangkan dua isu membabitkan kenaikan harga barang dan kekurangan bekalan makanan seperti ayam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pihaknya telah meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membentangkan mengenai perkara terbabit.

"Esok (Isnin) dua kementerian ini akan membentangkan apakah perancangan jangka pendek dan perancangan jangka panjang," katanya pada sidang akhbar di sini pada Ahad.

Sebelum ini, media melaporkan bahawa berlakunya masalah kekurangan bekalan ayam segar susulan kehabisan stok.

Selain itu, turut dilaporkan



**Mesyuarat kabinet dipercepatkan ke Isnin bagi membincangkan dua isu membabitkan kenaikan harga barang dan kekurangan bekalan makanan seperti ayam.**

harga semua barangan keperluan dijangka meningkat sehingga 60 peratus pada Jun depan.

Jelas Ismail Sabri, dua isu ini berlaku disebabkan fenomena global yang berlaku seperti perang melibatkan Rusia dan Ukraine.

"Penawaran kepada bahan makanan mungkin terjejas teruk kerana (kekurangan bekalan) gandum ini. 1/3 daripada pengeluaran dunia dikeluarkan oleh Rusia dan Ukraine.

"Saya difahamkan ada beberapa negara telah menyekat eksport gandum daripada negara mereka untuk kegunaan mereka sendiri. Jadi, kalau dari segi teori

ekonomi permintaan melebihi daripada penawaran, tentu sahaja harga akan meningkat," ujarnya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan sedang mengkaji bagi melihat lebih banyak lesen import (AP) selain makanan untuk dihapuskan.

"Banyak lagi AP-AP lain kita akan tengok, bukan setakat makanan sahaja. Kita harap, bila AP dihapuskan, sekurang-kurangnya boleh mengurangkan tekanan dari segi kekurangan bekalan barangan.

"Yang keduanya, kalau banyak pihak yang terlibat, mungkin harga pun boleh dikurangkan," jelas beliau.